



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**20 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 5,007 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 308,476 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Ranau, Lahad Datu, Keningau dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 4,107 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 259,760 orang. Manakala 2,919 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,420 orang di hospital, 1,272 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 226 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 67 orang merangkumi 45 di ICU/repurposed kritikal care serta 22 di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 33 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 83 (28.14%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan kes harian sebanyak 5,007 kes, penyusutan 352 kes berbanding semalam. Walau bagaimanapun jumlah ini masih amat tinggi dan peratusan tinggi jangkitan sporadik (dalam komuniti) adalah satu petunjuk bahawa jumlah kes harian di Sabah akan kekal tinggi dalam masa terdekat. Hari ini 63.13% kes baharu berpunca daripada jangkitan sporadik.
- b. Daerah Kota Kinabalu terus mencatatkan kes empat angka sebanyak 1,265 kes (-97). Bagi daerah-daerah lain pula, sebanyak 12 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Penampang 719 kes (+136), Tuaran 466 kes (-28), Papar 398 kes (+105), Tawau 355 kes (+112), Sandakan 250 kes (+43), Kota Belud 214 kes (+11), Beaufort 185 kes (-48), Putatan 167 kes (-290), Keningau 161 kes (-5), Kota Marudu 129 kes (-21), Ranau 121 kes (-26) dan Lahad Datu 113 kes (-131). 14 daerah lain mencatatkan kes dua (2) angka.
- c. Pada hari ini, 21 daripada 27 daerah di Sabah merekodkan kes bergejala (jangkitan sporadik) sebagai kategori jangkitan yang tertinggi. Peratusan kes bergejala di seluruh Sabah ialah 63.13% atau 3,161 daripada 5,007 kes.
- d. Terdapat dua (2) kluster yang telah diisyiharkan tamat hari ini iaitu Kluster Kayul di Kuala Penyu yang merupakan Kluster Komuniti dan Kluster Pandan-Pandan di Putatan yang merupakan Kluster Institusi Pendidikan. Jumlah kluster di Negeri Sabah yang masih aktif ialah 41 kluster.
- e. Di Beluran, satu (1) kluster baharu institusi pendidikan diisyiharkan hari ini iaitu Kluster Jalan Beluran Lama. Ia melibatkan pelajar Asrama SMK Beluran. Indeks kes adalah seorang pelajar lelaki, 18 tahun, warganegara dan dikesan melalui saringan bergejala pada 17/2/2022. Saringan terhadap kontak rapat telah mendapati pertambahan 34 kes. Secara keseluruhannya, jumlah kumulatif Kluster ini ialah 35 kes positif setakat 20/2/2022. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

- f. Seramai 4,986 orang atau 99.58% daripada 5,007 pesakit hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lima (5) orang dalam Kategori 3, 13 orang dalam Kategori 4 dan tiga (3) orang dalam Kategori 5.
- g. Daripada 5007 jangkitan baharu, 606 kes melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum layak atau belum menerima vaksin. Seramai 42 daripada 606 pesakit ini adalah bayi di bawah umur satu tahun.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	69	1.38%
2	Kontak	1,549	30.94%
3	Bergejala	3,161	63.13%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	228	4.55%
<b>JUMLAH</b>		<b>5,007</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 19/02/2022	Catatan Kes 20/02/2022	Perbandingan
1	Penampang	583	719	+136
2	Tawau	243	355	+112
3	Papar	293	398	+105
4	Sandakan	207	250	+43
5	Kota Belud	203	214	+11
6	Kalabakan	1	12	+11
7	Tenom	55	60	+5
8	Kudat	23	26	+3
3	Tongod	19	19	Mendatar
10	Putatan	457	167	-290
11	Lahad Datu	244	113	-131
12	Kota Kinabalu	1362	1265	-97
13	Beaufort	233	185	-48
14	Tambunan	52	19	-33
15	Kinabatangan	48	17	-31
16	Tuaran	494	466	-28
17	Ranau	147	121	-26
18	Sipitang	72	50	-22
19	Kota Marudu	150	129	-21
20	Beluran	75	61	-14
21	Kunak	38	26	-12
22	Pitas	53	42	-11
23	Keningau	166	161	-5
24	Nabawan	26	21	-5
25	Kuala Penyu	64	62	-2
26	Semporna	19	18	-1
27	Telupid	32	31	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>5,359</b>	<b>5,007</b>	<b>-352</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	2	344	856	0	63	1,265	12,207
Penampang	0	181	531	0	7	719	5,626
Tuaran	0	227	232	0	7	466	4,766
Papar	0	127	263	0	8	398	3,423
Tawau	0	45	291	0	19	355	3,380
Sandakan	0	51	198	0	1	250	5,363
Kota Belud	14	70	126	0	4	214	1,849
Beaufort	0	51	125	0	9	185	1,899
Putatan	0	71	93	0	3	167	1,908
Keningau	13	65	78	0	5	161	1,594
Kota Marudu	1	76	50	0	2	129	1,541
Ranau	3	23	50	0	45	121	1,888
Lahad Datu	0	28	57	0	28	113	2,664
Kuala Penyu	0	38	19	0	5	62	821
Beluran	35	17	7	0	2	61	560
Tenom	0	19	39	0	2	60	457
Sipitang	0	21	28	0	1	50	614
Pitas	0	28	13	0	1	42	396
Telupid	0	13	16	0	2	31	500
Kunak	1	12	13	0	0	26	647
Kudat	0	3	18	0	5	26	442
Nabawan	0	10	11	0	0	21	284
Tambunan	0	15	4	0	0	19	457
Tongod	0	0	19	0	0	19	184
Semporna	0	3	9	0	6	18	572
Kinabatangan	0	5	11	0	1	17	545
Kalabakan	0	6	4	0	2	12	61
<b>JUMLAH</b>	<b>69</b>	<b>1,549</b>	<b>3,161</b>	<b>0</b>	<b>228</b>	<b>5,007</b>	<b>54,648</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Tembok Kota Kinabalu 2	2
Kota Marudu	Kluster Jalan Bandau	1
Ranau	Kluster Kemburongoh 2	3
Keningau	Kluster Bukit Langsat	13
Kunak	Kluster Giram	1
Beluran	Kluster Jalan Beluran Lama	35
Kota Belud	Kluster Batu Enam Kota Belud	13
	Kluster Jubi Tambulion	1
<b>Jumlah</b>		<b>69</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Jalan Beluran Lama - Beluran** yang direkodkan sejak 17 Februari 2022, menokok 34 kes baharu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 35 kes positif COVID-19. Jumlah kumulatif tersebut merupakan hasil saringan terhadap 75 kontak rapat kepada kes indeks iaitu seorang pelajar lelaki, 18, yang tinggal di asrama melalui saringan bergejala. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Manakala, kontak rapat yang tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin

7 Jumlah kapasiti katil 4,589 unit

- Hospital 1,860 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,255 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 446 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 63.61%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 FEBRUARI 2022**

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	4,980
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	27
<b>Jumlah</b>	<b>5,007</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	4,867
Bukan Malaysia	140
<b>Jumlah</b>	<b>5,007</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	237
Belum Menerima Vaksin (5-11)	369
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	120
Menerima 1 Dos	22
Lengkap 2 Dos	2,972
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	1,287
<b>Jumlah</b>	<b>5,007</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	42
1 to 4	195
5 to 11	382
12 to 17	311
18 to 25	891
26 to 59	2,837
>60	349
<b>Jumlah</b>	<b>5,007</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 19 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 23,810 orang. Daripada jumlah ini, seramai 17,482 orang adalah penduduk dewasa, 243 orang adalah penduduk remaja 6,085 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 19 Februari 2022 adalah seramai 2,482,277 orang. Ini meliputi 2,118,397 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.98% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,412,458 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,932 orang atau 77.26% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,377 orang atau 79.39% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,526 atau 73.56% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 25,503 atau 6.20% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **682,629** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
  - Empat (4) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
  - Satu (1) Orang : Menjalankan Aktiviti Melebihi Masa Yang Ditetapkan

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 179 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 57 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,139 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau. Kesemua kompaun dikeluarkan kepada orang awam atas kesalahan gagal mengimbas QR Code MySejahtera semasa memasuki premis. Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 324 premis perniagaan dan 483 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 276 Premis Perniagaan melibatkan 79 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 26 premis, melibatkan 13 buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 148 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 168 hebahan di seluruh Sabah.

## F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	97.8%
2	Keningau	97.8%
3	Beluran	97.8%
4	Sipitang	97.8%
5	Tuaran	97.8%
6	Papar	97.7%
7	Ranau	97.7%
8	Tenom	97.7%
9	Tawau	97.7%
10	Kota Kinabalu	97.7%
11	Semporna	97.7%
12	Kota Belud	97.7%
13	Sandakan	97.7%
14	Kinabatangan	97.7%
15	Lahad Datu	97.6%
16	Kota Marudu	97.6%
17	Beaufort	97.6%
18	Kudat	97.6%
19	Penampang	97.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**